

AD UNITED24 MEDIA

News from the battlefield in Ukraine

## Sisa terjadual dilupus secara haram disyaki punca pencemaran Sungai Balok

Mohd Rafi Mamat - September 1, 2024 @ 10:19am  
bhnews@bh.com.my



Salur air berhampiran loji rawatan kumbahan di kawasan Taman Balok Baru yang disyaki dijadikan tapak pelupusan haram buangan terjadual. - FB JAS

KUANTAN: Pelupusan sisa terjadual secara haram disyaki menjadi punca pencemaran Sungai Balok, dekat sini.

Tapak pelupusan haram itu dikesan Jabatan Alam Sekitar (JAS) Pahang yang melakukan siasatan selepas menerima aduan awam dan mengesan pencemaran bau bahan kimia serta terdapat lapisan minyak pada permukaan sungai berkenaan.

"Berdasarkan maklumat awam, JAS telah mengesan satu alur air berhampiran loji rawatan kumbahan di kawasan Taman Balok Baru yang disyaki dijadikan tapak pelupusan haram buangan terjadual.

"Ia berdasarkan buangan berminyak yang ditemui serta bau yang kuat dari lokasi terbabit," menurut jabatan berkenaan dalam satu kenyataan semalam, sambil memaklumkan pihak melakukan siasatan selama tiga hari berakhir Khamis lalu.

### DISYORKAN UNTUK ANDA

- JAS siasat pembuangan sisa sarung getah terpakai di tapak binaan kilang
- JAS siasat kilang sebabkan pencemaran bau, gangguan bekalan air - Nik Nazmi
- Cemar sungai: JAS tahan dua individu
- Lima premis proses sisa elektronik di Segamat diarah henti operasi - JAS
- JAS serbu premis simpan sisa elektronik tanpa lesen
- JAS siasat penemuan 40 beg buangan di Kulim
- Sisa buangan dari longkang cemari Sungai Padang Terap
- Pencemaran Sungai Pandan: JAS Johor jumpa beberapa bungkusan di anak sungai

Buangan terjadual adalah apa-apa buangan yang mempunyai ciri-ciri berbahaya yang berpotensi memberi kesan negatif kepada orang awam dan alam sekitar.

Sebanyak 77 jenis buangan terjadual disenaraikan di bawah Jadual Pertama Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 dan pengurusan sisa terbabit perlu selaras dengan peruntukan di bawah peraturan berkenaan.



Kerja membersihkan lokasi dijadikan tapak pelupusan buangan terjadual. - FB JAS

Menurut JAS Pahang, dua botol sampel tanah tercemar dan air dari Sungai Balok telah diambil sebelum dihantar ke Jabatan Kimia untuk analisis lanjut.

"JAS masih melakukan siasatan bagi mengenal pasti punca sebenar pencemaran terbabit. Orang ramai yang mempunyai maklumat di harap tampil bagi membantu siasatan," menurut JAS Pahang.

Aduan boleh dilaporkan ke talian bebas tol JAS di talian 1-800-88-2727 atau e-mel ke [aduan\\_k@doe.gov.my](mailto:aduan_k@doe.gov.my) atau melalui portal e-aduan JAS di <http://eaduan.doe.gov.my>.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Beserah, Andansura Rabu, berkata pihaknya menerima aduan penduduk Taman Balok Baru mengenai pencemaran bau serta kematian ikan di beberapa lokasi sepanjang Sungai Balok.

"Tindakan pantas JAS berjaya mengesan lokasi tempat pembuangan bahan kimia berkenaan. Jabatan itu bersama bomba telah mengambil tindakan sewajarnya. Saya difahamkan bahan kimia terbabit tidak berisiko tinggi, namun perlu dikawal supaya tidak membawa kesan berpanjangan.

"JAS telah melaksanakan kerja-kerja membersihkan bahan pencemaran berkenaan melalui kontraktor berlesen. Siasatan lanjut dilakukan JAS bagi mengesan pihak yang tidak bertanggungjawab di sebalik insiden ini," katanya.